PERKARA MAKRUH DAN SUNNAH BERKAITAN QURBAN

بسم الله الرحمن الرحيم، الحمد لله رب العالمين، اللهم صل على سيدنا محمد وعلى آل سيدنا محمد

Para ulama fekah dan hadis dalam kitab-kitab mereka menyebutkan bahawa dalam ibadah qurban ada perkara yang sunnah ada perkara yang makruh . Sunnah dan makruh ini berlaku pada beberapa perkara:

a. Berlaku kepada pelaksana qurban
b. Berlaku kepada binatang qurban
c. Berlaku sebelum qurban dilaksanakan
d. Berlaku ketika qurban dilaksanakan
e. Berlaku selepas qurban dilaksanakan

PERBAHASAN PERTAMA: SUNNAH DAN MAKRUH BAGI PELAKSANA QURBAN

Antara perkara sunnah bagi pelaksana qurban adalah:

1. Dia yang menyembelih qurban , tidak mewakilkannya kepada orang lain

Sunnah untuk pelaksana korban untuk menyembelih korbannya tanpa mewakilkannya kepada orang lain Kerana mengikuti kepada sunnah Nabi saw, yang mana Nabi saw menyembelih sendiri binatang qurbannya , sehingga enam puluh ekor banyaknya. Di dalam hadits diceritakan:

عَنْ أَنَسٍ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صلى الله عليه وسلم انْكَفَأَ إِلَى كَبْشَيْنِ أَقْرَنَيْنِ أَمْلَحَيْنِ فَذَبَحَهُمَا بِيَدِهِ

“Dari Anas bin Malik r.a, ia menceritakan bahawa Rasulullah saw *berkorban dengan dua kambing kibasy yang bertanduk dan berwarna putih*

kehitaman, Nabi saw menyembelihnya sendiri dengan tangannya." Shahih Bukhori no 5554.

Di dalam kitab Fathul Mu'in disebutkan:

ويسن أن يذبح الرجل بنفسه

"Disunnahkan agar lelaki menyembelih qurbannya sendiri." (334/2, Maktabah Syamilah).

Adapun bagi perempuan, khunsa dan kebanyakan orang yang tak berapa bagus dalam menyembelih maka dia hendaknya mewakilkannya kepada orang lain yang ahli dalam penyembelihan.

Akan tetapi Imam Baghowi dalam Syarhus Sunnah berkata:

وكذلك المرأة إن قدرت عليه ، روي عن أبي موسى أنه كان يأمر بناته أن يذبحن ضحاياهن بأيديهن.

"Begitu juga perempuan apabila ia mampu, diriwayatkan daripada Abu Musa bahwa beliau memerintahkan anak-anak perempuannya untuk menyembelih korban mereka dengan tangan mereka sendiri." (335/4, maktabah Syamilah).

2. Menyaksikan sembelihan korbannya

Bagi orang yang mewakilkan penyembelihan kepada orang lain, sunnah baginya melihat dan menyaksikan qurbannya disembelih. Ikut kepada sabda Nabi saw yang baginda katakan kepada Sayyidah Fatimah r.ha:

يَا فَاطِمَةُ قُومِي إِلَى أُضْحِيَّتِكِ فَاشْهَدِيهَا

"Wahai Fatimah, bangkitlah saksikan qurbanmu."

Dalam Fathul Mu'in disebutkan:

وأن يشهدها من وكل به

"Hendaknya orang yang mewakilkannya (menyembelih) menyaksikan (penyembelihannya)." (334/2, Maktabah Syamilah).

3. **Tidak memotong kuku, bulu dan rambut**

Disunnahkan orang yang akan melaksanakan qurban tidak memotong kukunya dan bulu serta rambut di tubuhnya. Di dalam hadis disebutkan:

إِذَا رَأَيْتُمْ هِلاَلَ ذِى الْحِجَّةِ وَأَرَادَ أَحَدُكُمْ أَنْ يُضَحِّىَ فَلْيُمْسِكْ عَنْ شَعْرِهِ وَأَظْفَارِهِ

"Apabila kamu telah melihat anak bulan di bulan Dzul Hijjah dan kamu ingin melaksanakan qurban, maka janganlah ia memotong rambut (juga bulu-buluan) dan kukunya." Shahih Muslim no 5234 dari Ummu Salamah.

Dalam riwayat yang lain:

فَلَا يَأْخُذَنَّ من شَعْرِهِ وَأَظْفَارِهِ شيئا حتى يُضَحِّيَ

"Jangan sekali-kali kamu memotong rambut dan kukunya sedikitpun sehingga ia berkorban."

Dalam kitab Iqna syarah matan Abi Syuja' disebutkan:

ويسن لمن يريدها أن لا يزيل شعره ولا ظفره في عشر ذي الحجة حتى يضحي

"Disunnahkan bagi orang yang akan berqurban untuk tidak menghilangkan rambut, bulu dan kukunya pada sepuluh hari dari bulan Dzul Hijjah sehingga ia menyembelih qurbannya." 11/7, maktabah Syamilah.

Maknanya, sunnah tidak memotong kuku dan bulu dari hari pertama Dzul Hijjah hingga hari dia menyembelih qurban, apabila qurban disembelih di hari ke 13 maka dia pun tidak memotong kuku sehingga hari ke 13.

Dalam Mausuah Fiqh Kuwait 95/5 disebutkan:

وَالْحِكْمَةُ فِي مَشْرُوعِيَّةِ الإِْمْسَاكِ عَنِ الشَّعْرِ وَالأَْظْفَارِ وَنَحْوِهِمَا قِيل : إِنَّهَا التَّشَبُّهُ بِالْمُحْرِمِ بِالْحَجِّ ، وَالصَّحِيحُ : أَنَّ الْحِكْمَةَ أَنْ يَبْقَى مُرِيدُ التَّضْحِيَةِ كَامِل الأَْجْزَاءِ رَجَاءَ أَنْ يُعْتَقَ مِنَ النَّارِ بِالتَّضْحِيَةِ .

“Hikmah disunnahkan tidak memotong rambut, bulu dan kuku dan yang seumpamanya, dikatakan oleh setengah ulama adalah untuk menyerupai orang yang sedang berihram haji, namun yang sahih hikmahnya adalah agar tetap keadaan orang yang akan melaksanakan korban dalam keadaan sempurna dengan harapan agar dimerdekakan dari neraka dengan sebab korbannya.”

4. **Setiap satu keluarga hendaknya berqurban**

Imam Tirmizi meriwayatkan bahwa Abu Ayyub r.a berkata:

كَانَ الرَّجُلُ يُضَحِّى بِالشَّاةِ عَنْهُ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ فَيَأْكُلُونَ وَيُطْعِمُونَ

“Dulu seseorang di zaman Nabi saw berqurban seekor kambing untuk dirinnya dan keluarganya, mereka memakan darinya dan memberikannya kepada orang lain.”

Adapun perkara makruh bagi pelaksana qurban adalah:

1. **Memotong kuku, bulu dan rambut**

Sebagaimana telah disebutkan sebelumnya bahawa sunnah tidak memotong bulu, rambut dan kuku, maka memotongnya adalah makruh. Di dalam kitab Fathul Mu’in disebutkan:

وكره لمريدها إزالة نحو شعر في عشر ذي الحجة وأيام التشريق حتى يضحي

“Dan dimakruhkan bagi orang yang akan melaksanakan korban menghilangkan seumpama rambut pada sepuluh pertama bulan Dzul Hijjah dan hari-hari tasyriq sehingga ia berkorban.” (334/2, maktabah Syamilah).

PERBAHASAN KEDUA: SUNNAH DAN MAKRUH YANG BERLAKU KEPADA BINATANG QURBAN

Antara sunnah-sunnah kepada binatang korban adalah:

1. **Yang paling banyak bulunya**

Di dalam hadis Nabi saw bersabda:

بِكُلِّ شَعَرَةٍ حَسَنَةٌ

"Setiap satu helai bulu satu pahala kebaikan." Musnad Imam Ahmad No. 19302, Sunan Turmudzi No. 1493 dan Ibnu Majah no 3127 dari Zaid bin Arqom, menurut ulama hadits doif tapi masih boleh dipakai dalam Fadhoil, imam Hakim mengatakan: "sahih".

2. **Yang paling besar dan gemuk**

Di dalam Mausuah Fiqh Kuwait disebutkan:

يُسْتَحَبُّ فِي الأُضْحِيَّةِ أَنْ تَكُونَ أَسْمَنَ وَأَعْظَمَ بَدَنًا مِنْ غَيْرِهَا

"Disunnahkan dalam ibadah qurban agar binatang itu adalah yang paling gemuk dan besar berbanding yang lainnya." (99/5, maktabah Syamilah).

Imam Nawawi dalam Syarah Muslim 79/2 berkata:

ان التضحية بشاة سمينة أفضل من التضحية بشاتين دونها فى السمن

"Sesungguhnya qurban dengan satu kambing yang gemuk lebih afdhal dari pada dua kambing tapi kurang gemuk."

Dalam ar Raudhah imam Nawawi berkata:

يستحب للتضحية الأسمن الأكمل

"Sunnah bagi binatang qurban adalah yang paling gemuk dan paling sempurna." (197/3, Maktabah Syamilah).

Tujuan qurban adalah membagikan dagingnya, semakin besar qurban semakin banyak dagingnya semakin banyak pula pahalanya.

3. **Yang bertanduk besar**

Disunnahkan binatang qurban yang bertanduk, di dalam hadits disebutkan:

Imam Bukhari meriwayatkan dalam kitab Sahihnya (no 5554):

عَنْ أَنَسٍ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صلى الله عليه وسلم انْكَفَأَ إِلَى كَبْشَيْنِ أَقْرَنَيْنِ أَمْلَحَيْنِ فَذَبَحَهُمَا بِيَدِهِ

“Daripada Anas bin Malik r.a, beliau menceritakan bahawa Rasulullah saw melaksanakan ibadah qurban dengan dua ekor kambing kibas yang bertanduk dan berwarna putih kehitaman. Nabi SAW menyembelih kedua-duanya dengan tangannya sendiri.”

Dalam Mausuah Fiqh Kuwait disebutkan:

وَالأَقْرَنُ : الْعَظِيمُ الْقَرْنِ

“al Aqran adalah yang tanduknya besar.” (99/5, Maktabah Syamilah)

4. **Berwarna putih cantik**

Dalam Sahih Bukhari disebutkan:

ذَبَحَ رَسُولُ اللهِ صلى الله عليه وسلم بِالْمَدِينَةِ كَبْشَيْنِ أَمْلَحَيْنِ

“Rasulullah saw menyembelih qurban di Madinah dengan dua ekor kibas berwarna putih.”

Amlah adalah warna seperti garam, iaitu warna putih, sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama Mazhab Syafii.

Imam Nawawi dalam Syarah Muslim berkata:

قَالَ اِبْن الْأَعْرَابِيّ وَغَيْره : الْأَمْلَح هُوَ الْأَبْيَض الْخَالِص الْبَيَاض

“Berkata imam Ibnul A’rabi dan ulama lainnya: “Amlah adalah putih yang betul-betul putih.”

Imam Nawawi juga berkata:

أَفْضَلهَا الْبَيْضَاء ثُمَّ الصَّفْرَاء ثُمَّ الْغَبْرَاء ، وَهِيَ الَّتِي لَا يَصْفُو بَيَاضهَا ، ثُمَّ الْبَلْقَاء وَهِيَ الَّتِي بَعْضهَا أَبْيَض وَبَعْضهَا أَسْوَد ، ثُمَّ السَّوْدَاء .

“Yang berwarna putih adalah lebih afdhal, kemudian yang berwarna kuning, kemudian yang putih keabu-abuan, iaitu yang putihnya tidak bersih, kemudian yang warnanya bercampur-campur antara putih dan hitam, dan kemudian yang berwarna hitam.”

Sebagian ulama berpendapat, *Amlah* adalah yang putih kehitaman, berdasarkan hadits Nabi saw yang disebutkan:

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه سلم أَمَرَ بِكَبْشٍ أَقْرَنَ يَطَأُ فِى سَوَادٍ وَيَبْرُكُ فِى سَوَادٍ وَيَنْظُرُ فِى سَوَادٍ فَأُتِىَ بِهِ لِيُضَحِّىَ بِهِ

Daripada Aisyah r.ha ia bercerita bahwa Rasulullah saw *memerintahkan agar dibawakan seeokor kambing yang bertanduk, yang berkaki hitam, berperut hitam dan bahagian matanya hitam. Lalu dibawalah kambing tersebut untuk dikorbankan.” (Sahih Muslim No. 5203).*

5. Yang paling mahal

Disunnahkan berqurban dengan yang paling mahal, kerana ini adalah untuk Allah. Dalam Syarah Muslim, imam Nawawi menukil perkataan imam Syafii:

فى الاضحية استكثار القيمة مع استقلال العدد أحب إلى من استكثار العدد مع استقلال القيمة

“Dalam qurban, harga yang mahal dengan jumlah yang sedikit lebih aku sukai daripada jumlah yang banyak dengan harga yang murah.”

Nabi saw bersabda:

اسْتَفْرِهُوا ضَحاياكُمْ فإنَّها مَطاياكُمْ على الصِّراطِ

“Muliakan (cantikkan) qurban kamu kerana ia adalah kenderaan kalian (ke syurga) di atas sirat.” Jamius Shogir No. 1765 dari Abu Hurairah, hadits doif.

PERBAHASAN KETIGA, SUNNAH DAN MAKRUH YANG BERLAKU SEBELUM QURBAN DILAKSANAKAN

Antara perkara sunnah adalah :

1. **Mempersiapkan binatang qurban beberapa hari sebelum hari raya.**

Disunnahkan mempersiapkan binatang qurban beberapa hari sebelum hari raya, kerana dia akan ditulis dapat pahala dari mula niatnya berqurban. Qurban pula adalah Syiar Allah, sesiapa yang mengagungkannya maka dia dicintai oleh Allah dan tertulis sebagai orang yang bertakwa.

Dalam kitab Mausuah Fiqh Kuwait disebutkan bahwa:

أَنْ يَرْبِطَ الْمُضَحِّي الأُضْحِيَّةَ قَبْل يَوْمِ النَّحْرِ بِأَيَّامٍ ، لِمَا فِيهِ مِنَ الاِسْتِعْدَادِ لِلْقُرْبَةِ وَإِظْهَارِ الرَّغْبَةِ فِيهَا ، فَيَكُونُ لَهُ فِيهِ أَجْرٌ وَثَوَابٌ . (2) أَنْ يُقَلِّدَهَا (2) وَيُجَلِّلَهَا (3) قِيَاسًا عَلَى الْهَدْيِ ، لِأَنَّ ذَلِكَ يُشْعِرُ بِتَعْظِيمِهَا

“Sunnah agar ia mengikat (menyiapkan) qurbannya beberapa hari sebelum hari raya, kerana itu menunjukkan persiapan dirinya untuk beribadah dan menunjukkan kesungguhannya, iapun mendapatkan pahala. Disunnahkan juga menandai bitanang qurbannya dan memuliakannya, diqiyaskan kepada al Hadyu (binatang yang disiapkan orang yang melaksanakan haji), kerana ini menunjukkan bahwa ia mengagungkan qurbannya.”

Dalam al Qur’an Allah berfirman:

وَمَنْ يُعَظِّمْ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ

Dan sesiapa yang menghormati Syiar-syiar agama Allah maka (dia lah orang yang bertaqwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin. (Surah al Hajj 32).

PERBAHASAN KETIGA, SUNNAH DAN MAKRUH YANG BERLAKU KETIKA QURBAN DILAKSANAKAN

Segala yang sunnah dan makruh dalam penyembelihan juga menjadi hal yang sama dalam qurban .

Antara sunnah lainnya ialah:

1. **Disembelih di hari raya**

Sunnah menyebelihnya di hari raya, inilah hari yang paling utama sekalipun boleh menyebelihnya sehingga habis hari Tasyriq.

Di dalam hadis disebutkan:

مَا عَمِلَ ابْنُ آدَمَ يَوْمَ النَّحْرِ عَمَلاً أَحَبَّ إِلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ ، مِنْ هِرَاقَةِ دَمٍ ، وَإِنَّهُ لَتَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، بِقُرُونِهَا ، وَأَظْلاَفِهَا ، وَأَشْعَارِهَا ، وَإِنَّ الدَّمَ يَقَعُ مِنَ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ عَلَى الأَرْضِ ، فَطِيبُوا بِهَا نَفْسًا

“Tidaklah ada amalan Ibnu Adam di hari raya yang lebih Allah sukai daripada menyembelih qurban, di hari kiamat nanti dia akan datang dengan tanduknya, kukunya dan bulunya. Sesungguhnya darah qurban itu jatuh di sisi Allah Azza wa Jalla sebelum ia terjatuh ke atas bumi, maka berbahagialah kamu.” Diriwayatkan oleh Imam Turmudzi (Suann Turmudzi No. 1493) dan Ibnu Majah (Sunan Ibnu Majah No. 312), dari Aisyah r.ha, hadits ini dihasankan imam Turmudzi dan dishahihkan Imam Hakim.

Sunnahnya adalah segera, sehingga mendapatkan pahala secepat mungkin. Dalam Mausuah Fiqh Kuwait disebutkan:

تُسْتَحَبُّ الْمُبَادَرَةُ إِلَى التَّضْحِيَةِ ، فَالتَّضْحِيَةُ فِي لْيَوْمِ الأَوَّل أَفْضَل مِنْهَا فِيمَا يَلِيهِ ، لِأَنَّهَا مُسَارَعَةٌ إِلَى الْخَيْرِ

“Sunnah segera melaksanakan qurban, qurban di hari pertama lagi afdhal dari hari setelahnya, kerana itu bersegera kepada kebaikan.”

2. **Membaca Bismillah dan takbir ketika menyembelih**

Di dalam hadis disebutkan:

ضَحَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَبْشَيْنِ أَمْلَحَيْنِ أَقْرَنَيْنِ ، ذَبَحَهُمَا بِيَدِهِ ، وَسَمَّى وَكَبَّرَ ، وَوَضَعَ رِجْلَهُ عَلَى صِفَاحِهِمَا

"Nabi saw melaksanakan qurban dengan dua ekor kibas putih dan bertanduk, beliau menyembelih keduanya dengan tangannya, juga membaca Bismillah dan Takbir, beliau meletakkan kakinya di bahagian atas bahu (sekitar leher dan bahu)." riwayat Imam Muslim.

Dalam Mausuah Fiqh Kuwait dikatakan:

وَقَال الشَّافِعِيَّةُ : يُسْتَحَبُّ بَعْدَ التَّسْمِيَةِ التَّكْبِيرُ ثَلاَثًا وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى رَسُول اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالدُّعَاءُ بِالْقَبُول

"Berkata ulama Syafiiyah: "Sunnah setelah membaca Bismillah itu membaca Takbir tiga kali, kemudian membaca selawat dan salam kepada Rasulullah saw serta doa agar qurban diterima."

3. **Membaca doa**

Ada beberapa doa yang diriwayatkan yang sunnah dibaca ketika qurban, antaranya adalah yang disebutkan di dalam hadis:

a. Doa pertama: Hadis Aisyah riwayat imam Muslim

بِاسْمِ اللَّهِ اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنْ مُحَمَّدٍ وَآلِ مُحَمَّدٍ وَمِنْ أُمَّةِ مُحَمَّدٍ

"Dengan Nama Allah, ya Allah terimalah ini dari Muhammad, dari keluarga Muhammad dan dari Umat Muhammad."

b. Doa kedua: Riwayat Jabir r.a, riwayat Imam Abu Daud

إِنِّي وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ حَنِيفًا ، وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ، إِنَّ صَلاَتِي ، وَنُسُكِي ، وَمَحْيَايَ ، وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، لاَ شَرِيكَ لَهُ ، وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ ، وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ، اللَّهُمَّ مِنْكَ ، وَلَكَ عَنْ مُحَمَّدٍ وَأُمَّتِهِ. بِسْمِ اللَّهِ وَاَللَّهُ أَكْبَرُ

c. Doa ketiga: Hadis Sayyidah Fatimah r.ha, riwayat imam Hakim

اللَّهُمَّ مِنْكَ وَلَكَ ، إِنَّ صَلاَتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لاَ شَرِيكَ لَهُ ، وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ ، وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ

4. Membaca selawat

Dalam Syarah Misykat disebutkan:

ثم الجمهور على أنه تكره الصلاة على النبي {صلى الله عليه وسلم} عند الذبح ، وخالفهم الشافعي وقال : إنه يستحب

“Kemudian Jumhur ulama berpendapat makruh membaca selawat kepada Nabi saw ketika menyembelih, namun imam Syafii berbeza dengan mereka, ia berkata: “Membaca selawat adalah sunat.”

Antara perkara makruh adalah:

1. Makruh menyembelih di malam hari

Ulama menghukumi makruh menyembelih korban di malam hari, sekalipun sah hukumnya di dalam mazhab Imam Syafii. Dalam Mausuah Fiqh Kuwait dikatakan:

إِنَّ التَّضْحِيَةَ فِي اللَّيْلِ تُكْرَهُ عِنْدَ الْحَنَفِيَّةِ وَالشَّافِعِيَّةِ وَالْحَنَابِلَةِ

“Sesungguhnya korban di malam hari dimakruhkan menurut mazhab Hanafi, Syafii dan Hanbali.” (101/5, maktabah Syamilah).

PERBAHASAN KETIGA, SUNNAH DAN MAKRUH YANG BERLAKU SELEPAS QURBAN DILAKSANAKAN

Antara perkara sunnah selepas berqurban ialah:

1. **Memakan daging qurban, apabila qurban sunnah**

Di dalam hadits disebutkan:

إِذَا ضَحَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَأْكُل مِنْ أُضْحِيَّتِهِ

"Apabila salah satu dari kalian berkorban, maka makanlah sebagian dari qurbannya." HR Ahmad, shahih.

Ini pula maksud ayat al Qur'an:

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالاً وَعَلَى كُل ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُل فَجٍّ عَمِيقٍ لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَعْلُومَاتٍ عَلَى مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيمَةِ الأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ

"Agar mereka menyaksikan pelbagai manfaat untuk diri mereka, dan agar mereka menyebut nama Allah pada hari-hari yang telah ditentukan atas rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah kepada mereka berupa binatang ternakan. Maka makanlah sebahagiannya, dan sebahagian lagi berikanlah kepada orang-orang yang susah dan fakir." *(Surah al-Hajj, ayat 28)*

Hendaknya, makanan pertama di hari raya adalah daging korban. Di dalam riwayat imam Daraqhutni disebutkan:

وَكَانَ لاَ يَأْكُلُ يَوْمَ النَّحْرِ شَيْئًا حَتَّى يَرْجِعَ فَيَأْكُلَ مِنْ أُضْحِيَتِهِ

"Dan Nabi saw tidak makan apapun di hari raya Aidul Adha sehingga ia pulang, kemudian ia makan dari daging qurbannya." *Sunan Daraqhutni No. 1715, dari Buraidah r.a. hadis hasan.*

Imam Baihaqi berkata:

والسنة في عيد الأضحى أن لا يأكل حتى يذبح أضحيته بعد الصلاة ثم يرجع فيأكل من كبد أضحيته

"Yang sunnah pada hari Aidiladha ialah tidak makan sehingga dia menyembelih qurbannya selepas solat, kemudian dia pulang dan memakan hati dari qurbannya." (Fadho-ilul Auqot 406/1).

2. **Hanya memakan sedikit, dan sisanya disedekahkan**

Imam Ibnu Hajar berkata dalam Minhajul Qowim:

والأفضل أن يقتصر على أكل لقم ويتصدق بالباقي

"Yang utama adalah dia hanya memakan beberapa suapan sahaja, kemudian selebihnya disedekahkan." (631/1, maktabah Syamilah).

Dalam Hasyiyah I'anah Tholibin disebutkan:

والافضل أن تكون اللقمات من كبد الاضحية

"Yang Afdhal bahagian yang dimakan dari beberapa suapan itu dari bahagian hati binatang qurban."

3. **Menunggu binatang qurban sampai betul-betul mati**

Dalam Mausuah Fiqh Kuwait disebutkan:

منها: أَنْ يَنْتَظِرَ حَتَّى تَسْكُنَ جَمِيعُ أَعْضَاءِ الذَّبِيحَةِ فَلاَ يَنْخَعُ وَلاَ يَسْلُخُ قَبْل زَوَال الْحَيَاةِ عَنْ جَمِيعِ جَسَدِهَا

"Antara yang disunnahkan: menunggu sehingga seluruh anggota tubuh binatang itu benar-benar diam, maka janganlah mencabut uratnya atau mengulitinya sebelum hilang sepenuhnya hayat dari seluruh tubuhnya."

Dalam Raudah imam Nawawi berkata:

إذا قطع الحلقوم المريء فالمستحب أن يمسك ولا يبين رأسه في الحال ولا يزيد في القطع ولا يبادر إلى سلخ الجلد ولا يكسر الفقار ولا يقطع عضوا ولا يحرك الذبيحة ولا ينقلها إلى مكان قبل يترك جميع ذلك حتى تفارق الروح ولا يمسكها بعد الذبح مانعا لها من الاضطراب

"Apabila telah memotong halkum dan urat leher, maka yang sunat adalah dia diam, tidak memisahkan kepala binatang sembelihan ketika itu, tidak menambah pemotongan, tidak segera menguliti, tidak memecahkan tulang belakang, tidak memotong anggota tubuhnya, tidak menggerakkan binatang

yang disembelih, dan tidak memindahkannya ke tempat lain, bahkan hendaklah ditinggalkan semuanya itu sehingga ruhnya benar-benar berpisah. Jangan pula menahannya sehingga ia tidak dapat bergerak."

Wallahu a'lam